

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI ADALAH SEPERTI
YANG TERTERA DI BAWAH :-

1. TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR KEJURUTERAAN AWAM GRED G1 DENGAN PENGKHUSUSAN YANG BERKAITAN DAN BERALAMAT DI DAERAH HULU LANGAT.
2. SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) YANG MASIH AKTIF.
3. MEMILIKI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.
4. MEMILIKI SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.
5. MEMILIKI SIJIL TARAF BUMIPUTRA (STB) DARI BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.
6. MEMILIKI SIJIL PENGESAHAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI (UPEN) SELANGOR.
7. KONTRAKTOR YANG TELAH BERJAYA MENDAPAT KERJA SEMASA (MASIH DALAM TEMPOH KONTRAK) DAN KERJA KECEMASAN (BERMULA PADA BULAN JANUARI HINGGA NOVEMBER) DI JABATAN KEJURUTERAAN, MPKJ PADA TAHUN 2021 ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI INI .
8. WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN. HANYA PENAMA / PEMILIK YANG SAH SAHAJA SEPERTI DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN. PIHAK JABATAN BERHAK MENOLAK PENYERTAAN SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT TERSEBUT ADALAH PALSU , DAN MEMBATALKAN PENYERTAAN JIKA MENDAPATI PEMOHON MEWAKILI BAGI PIHAK YANG LAIN.
9. MANA-MANA KONTRAKTOR YANG TELAH MENGHANTAR MAKLUMAT PENDAFTARAN DALAM TALIAN, ADALAH BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH PALSU, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAIKAN, DAN TIDAK LAYAK UNTUK MENDAPAT KERJA DALAM PROSES KERJA UNDI INI.
10. KONTRAKTOR YANG LAYAK KE PERINGKAT CABUTAN UNDI AKAN MENERIMA EMAIL / PANGGILAN TELEFON DARI WAKIL JABATAN SEBELUM PENGESAHAN DAN JIKA SEKIRANYA BERMINAT, PEJABAT INI AKAN MEMAKLUMKAN, TARIKH DAN MASA CABUTAN UNDI. PASTIKAN ALAMAT EMAIL / NO TELEFON ADALAH BETUL.